



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

September

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---


Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[ 30 markah ]


Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang sebab-sebab rakyat Malaysia memilih untuk melancong di negara sendiri. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.




**PANTAI YANG MENARIK**



**KEINDAHAN ALAM**



**BANGUNAN BERSEJARAH**



**PUSAT BELI-BELAH**

**Bahagian B**

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

**Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Sekolah anda telah dipilih untuk menyertai pertandingan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) peringkat daerah.

Sebagai Ahli Jawatankuasa 3K, nyatakan persiapan yang anda lakukan untuk menyertai pertandingan tersebut.

- 2 Anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk "Keluarga Impian Saya" untuk dimuatkan dalam ruangan akhbar tempatan.

Tulis rencana itu selengkapnya.

- 3 Semangat cinta akan negara perlu disemai dalam kalangan generasi muda sejak kecil lagi.

Anda bersetuju dengan pernyataan di atas.

Jelaskan pendapat anda.

- 4 Dunia kini sedang menghadapi krisis makanan yang serius.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara untuk meningkatkan bekalan makanan dunia.

- 5 Anda bercita-cita menjadi penulis.

Huraikan persediaan yang dapat anda lakukan untuk menjadi penulis yang berjaya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**